

10/09/1998

Tindakan kawal mata wang langkah berani

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Rabu - Malaysia terpaksa mengambil langkah bersendirian untuk memperkenalkan kawalan tukaran asing setelah rayuannya terhadap masyarakat antarabangsa untuk berbuat demikian tidak dihiraukan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ekonomi Malaysia dan Asia yang dianggap `ajaib' sebelum kegawatan tercetus pertengahan tahun lalu sudah dirosakkan, bukan kerana kelemahan kerajaan tetapi kerana perbuatan spekulator serta pedagang mata wang dan kapitalis asing, kata Perdana Menteri dalam sebuah rencana yang disiarkan di dalam majalah mingguan antarabangsa Time keluaran terbaru.

"Kerosakan itu sudah meluas. Ia akan mengambil masa berdekad untuk menghidupkan kembali ekonomi. Perlukah kita melengahkannya?"

"Malaysia tidak dapat menunggu. Malaysia memilih untuk menjadi heretik (percaya kepada pendapat yang tidak diterima ramai), paria jika anda suka."

"Rayuan kami kepada masyarakat antarabangsa supaya pasaran dikawal agar teratur tidak diambil peduli. Jika masyarakat antarabangsa tidak dapat mengubah, maka Malaysia mesti mengendalikan reformasinya sendiri."

"Kita mungkin gagal tetapi kita akan melakukan yang semungkinnya untuk berjaya walaupun jika semua (negara) kaya dan berkuasa berkerjasama menentang kita. Dengan kehendak Allah, kita akan berjaya," katanya.

Tindakan Malaysia itu dianggap menentang pendapat popular perancang ekonomi antarabangsa sekarang ini, iaitu pasaran dan pengaliran modal perlu dibiarkan bebas tanpa sebarang campur tangan kerajaan.

Dr Mahathir turut mengajak pembaca merenung kembali punca krisis ekonomi di Asia yang pada mulanya dijangka akan berakhir dalam tempoh beberapa bulan sahaja tetapi ia terheret lebih setahun malah merebak ke seluruh dunia.

"Seseorang harus bertanya mengapa ini berlaku. Adakah ia sebahagian daripada kebiasaan kitaran ekonomi? Adakah ia disebabkan sistem ekonomi dan amalan oleh negara yang terjejas? Adakah ia kerana rasuah, kroni kapitalisme dan nepotisme?"

Perdana Menteri berkata, hakikatnya ialah malapetaka ekonomi itu tidak akan berlaku jika spekulator tidak menyerang mata wang dan pasaran saham. Kiranya penguncupan ekonomi boleh berlaku tanpa diserang spekulator, seharusnya sudah lama ia terjadi.

Katanya, sistem yang sama dan secara praktikalnya kerajaan yang sama memerintah negara terbabit selama 40 tahun.

Beliau berkata, kerajaan yang sama yang bertanggungjawab konon membawa "ajaib", dituduh menyebabkan keruntuhan ekonomi mereka manakala pedagang mata wang, kapitalis asing dan penyerang pasaran saham dengan `wang panas' dipuji kerana usaha mereka mendisiplinkan kerajaan negara terjejas itu - untuk memaksa mereka supaya mengubah cara dan mengguna pakai kaedah perniagaan dan kerajaan Barat.

Kata Dr Mahathir, sekarang negara terbabit diberitahu bahawa satu-satunya sistem dibenarkan ialah pasaran bebas kapitalis...secara global dan setiap orang mesti menerima sistem ini atau akan dianggap menyimpang dan dihukum sewajarnya.

"Tidak ada sedikit penyesuaian dibenarkan. Hakikat bahawa pasaran bebas yang tidak terhalang dan tidak dikawal itu sudah merosakkan ekonomi serantau keseluruhannya dan banyak negara lain di dunia, tidak dipedulikan. Yang penting sistem itu dipertahankan."

"Persoalannya: Berapa lamakah baru kita mahu menolak dogma pasaran bebas

yang difikirkan tidak mungkin boleh membuat silap ? Sesetengah pihak sudah secara takut-takut mengkritik Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), spekulator, aliran modal yang merentangi sempadan, dan hak kuasa pasaran untuk mendisiplin kerajaan yang dipilih," katanya.

Perdana Menteri berkata, semua orang bersetuju bahawa sebelum krisis itu, negara di Asia Timur adalah antara yang dinamik di dunia. Kadar pekerjaan tinggi. Pendapatan per kapita naik. Daripada negara pertanian, mereka menjadi negara perindustrian.

(END)